

Usah beban guru dengan tugas pentadbiran

Saya setuju dengan kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kama-lanathan yang bercadang membangkitkan isu berkaitan tugas guru sekarang dalam usaha mengurangkan beban mereka.

Pada hemat saya pandangan beliau dalam laporan *BH* pada 18 Mei itu amat bernas sekali. Jangan bebankan guru dengan tugas pentadbiran. Guru wajar mendidik saja dan tugas lain diserahkan kepada pentadbir.

Ketika kempen pilihan raya baru-baru ini, ada guru yang diarah turun padang walaupun ada tugas hakiki sebagai pendidik. Mengganggu tugas guru memberi kesan kepada kualiti pendidikan, sekali gus menjejaskan pemarkahan kepada pelajar.

Kita akui banyak sekolah digunakan sebagai pusat pembuangan undi. Tapi tidak wajar guru yang diarah menyusun meja dan menyiapkan bilik darjah untuk proses demokrasi.

Siti Noorain Che Hassan

Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai